

**BN Sarawak kekal dengan gabungan muka lama dan baru pada PRU akan datang**  
**The Malaysian Insider**  
**07 Mei, 2012**

MUKAH, 7 MEI — Barisan Nasional (BN) Sarawak akan tetap berpegang kepada strategi yang telah terbukti kejayaannya iaitu dengan meletakkan calon muka lama dan baharu atau penyandang bagi sesuatu kerusi bagi pilihan raya umum akan datang, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Beliau yang juga Pengerusi BN Negeri berkata muka lama atau penyandang diperlukan kerana mereka berpengalaman dan telah diuji walaupun mereka mungkin kurang aktif.

“Kita perlu muka baharu supaya kita dapat melatih mereka dengan pengalaman kita untuk menjadi pemimpin masa depan. Yang baru juga lebih aktif,” katanya pada sesi bertemu orang ramai di Oya dekat sini, hari ini.

Taib yang juga Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) berkata parti beliau akan meletakkan satu atau dua muka baharu pada pilihan raya akan datang.

“Semuanya terpulang kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai pengerusi BN untuk membuat keputusan dan menyokongnya.

“Sudah pasti kita masih memerlukan pemimpin muda yang mahu melihat Sarawak dan negara ini kekal teguh, stabil, bersatu dan progresif,” katanya.

Sarawak mempunyai 31 kerusi Parlimen dengan 14 daripadanya dipegang oleh PBB, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (tujuh), enam oleh Parti Rakyat Sarawak (PRS) dan empat dipegang Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP).

Taib berkata pada pilihan raya negeri lepas, PBB juga meletakkan 10 muka baharu manakala enam daripada 14 Anggota Parlimennya merupakan mereka yang pernah berkhidmat satu penggal.

Beliau juga berkata tiga anggota wanitanya merupakan Anggota Parlimen dan ada kemungkinan mereka akan meletakkan lebih ramai calon wanita dalam pilihan raya pada masa depan.

Sementara itu, beliau mahu rakyat supaya memikirkan mengenai soal mengenai pembangunan, kestabilan, kemakmuran dan perpaduan di negara ini dan mengenenepikan soal-soal remeh dalam pilihan raya akan datang.

“Hanya kerajaan BN dan wakil rakyatnya mampu memenuhi impian itu kerana mereka mempunyai kriteria dan kualiti sedemikian,” katanya.

Pada majlis itu, Taib mengumumkan geran RM100,000 bagi menggalakkan lebih ramai kaum wanita menceburi bidang perniagaan di bandar Dalat yang berdekatan.

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-sarawak-kekal-dengan-gabungan-muka-lama-dan-baharu-pada-pilihan-raya-umum-akan-datang/>